

# **UniMAP - MAS Meterai Perjanjian 'Corporate Signature Programme'**

**19 MAC 2008 :** Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini mengorak langkah menjadi universiti awam pertama di negara ini yang menjalankan kerjasama strategik dengan Malaysia Airlines (MAS) apabila bersetuju memeterai perjanjian melanggan 'Corporate Signature Programme'. Menerusi perjanjian tersebut, UniMAP selaku pelanggan korporat MAS akan ditawarkan pelbagai ganjaran menarik antaranya tambang penerbangan pada harga diskaun, kemudahan perkhidmatan yang lebih baik sebagai pelanggan korporat serta rebat di hujung tahun. Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin berkata, UniMAP percaya dengan program ini ia akan mendapat pulangan yang dapat dimanfaatkan, dengan lebih banyak perjalanan dapat dilakukan oleh staf-staf pada harga yang lebih rendah.

Dengan adanya perjanjian ini, UniMAP akan memperoleh kelebihan dari diskaun yang diperoleh dan rebat dihujung tahun yang diberi di dalam bentuk tambahan perjalanan atas nilai rebat berkenaan.



"Penjimatan yang diperolehi dari diskaun dapat digunakan untuk mengurangkan peruntukan di bawah perjalanan operasi mengurusnya kerana nilai penjimatan itu dapat menampung lain-lain kos operasi Universiti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Memeterai Perjanjian Persetujuan Menyertai 'Corporate Signature Programme' antara UniMAP dan MAS di Bilik Mesyuarat UniMAP di sini hari ini.

UniMAP diwakili oleh Dato' Kamarudin manakala hadir memeterai perjanjian bagi pihak MAS ialah Pengurus Wilayah Utaranya, En. Wan Mohd Ebrahem Wan Hasnan. Turut hadir menyaksikan perjanjian ialah, Pengurus Jualan Korporat (Wilayah Utara) MAS, En. Faadrul Reza Ariffin; Pengurus Wilayah Utara Tabung Haji Travel, Tn. Hj. Nizam Mohd Yatim dan Pegawai Pemasaran Tabung Haji Travel, Tn. Hj. Mohd Noor Yaakob serta pegawai-pegawai kanan UniMAP.